

BULETIN OHP

Vol issue 24 No.1/2019 Jun 2019 MOH/K/GIG/9-2019C(BUL)

Edisi: Jom Berhenti Merokok, Katakan Tidak Pada Vape!

**Konvensyen Kesihatan
Oral Tanpa Asap Rokok
(KOTAK) 2019**
MALAYSIA KE ARAH
GENERASI BEBAS TEMBAKAU
MENJELANG 2045



Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

**HARI KESIHATAN
PERGIGIAN SEDUNIA
2019**

WORLD ORAL HEALTH DAY
(WOHD) 2019

Tema Say Ahh: Act On Mouth Health

**KEMBARA SIHAT
"ZIARAH SENYUM" 2019**

Siri Jelajah dari Selatan
ke Utara & Borneo

**ORAL HEALTHCARE
SEMINAR 2019**

International collaboration in
line with 'Look East Policy'

**Hentikan
Merokok &
Vape!**

Penasihat

Dr Salleh b. Zakaria

Ketua Editor

Dr Doryalisa bt. Zakaria

Editor

Dr Siti Sarah Soraya bt. Mohamad

Dr Siti Nur Fatimah bt. Abdul Halim

Dr Sivasathi a/p Anandarajah

Koordinator

Pn. Haziah bt. Hassan

Pn. Siti Zainaliza bt. Hashim

Proofreaders

Dr. Cheng Lai Choo

Datin Dr. Nazita bt. Yaacob

Diterbitkan oleh:

Program Kesihatan Pergigian,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya, Malaysia

Penafian

Setiap pendapat, pendirian dan pernyataan dari penulis tidak semestinya menggambarkan pendirian dari penerbit. Penulis dan penerbit tidak akan bertanggungjawab ke atas setiap kandungan iklan, artikel, gambar atau ilustrasi yang terdapat di majalah ini.

Kami berpendapat bahawa setiap apa yang ditulis dan dihantar ke majalah ini adalah fakta, tidak ditiru dan diplagiat dari mana-mana sumber lain. Pihak editor berhak untuk menukar, memadamkan atau menulis semula semua bahan-bahan yang terdapat di majalah ini sekiranya terdapat isu-isu yang berkaitan.

Penulisan dan percetakan semula dari setiap bahan, artikel dan ilustrasi dari majalah tidak dibenarkan sama sekali tanpa mendapat sebarang kebenaran bertulis dari penerbit. Setiap penghantaran bahan-bahan untuk diterbitkan tidak akan dipulangkan semula tanpa sebarang kos. Setiap maklumat yang terdapat di majalah ini adalah benar pada masa ia diterbitkan.



CORETAN EDITOR

2019 Selangkah tahun ke dekad yang baru, cabaran yang menanti juga seiring peredaran masa. Inspirasi tema buletin pada kali ini : Visi Malaysia ke Arah Generasi Bebas Tembakau Menjelang Tahun 2045 (edisi Jom Berhenti Merokok, Katakan Tidak pada Vape) adalah sejajar dengan usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menangani isu merokok di kalangan masyarakat. Usaha memerangi gejala merokok ini bukanlah sesuatu yang baru namun apa yang menjadi cabaran tika ini adalah penggunaan rokok elektronik atau lebih dikenali sebagai vape. Walaupun sehingga kini tiada bukti kajian sah mengenai vape yang diwar-warkan sebagai lebih selamat sebagai pengganti rokok, penggunaan gajet berisiko ini semakin berleluasa seumpama telah menjadi satu trend bagi anak muda. Persoalannya, apakah tindakan kita sebagai 'frontliner' bahagian pergigian untuk berdepan dengan cabaran era baru ini? Inginkah kita lihat anak-anak kita seawal usia sudah terjebak dengan amalan berisiko?

Demi generasi bebas tembakau, marilah kita sama-sama cakna dan bertindak membanteras gejala ini.

Para pembaca sekalian, sekiranya ada sebarang input/cadangan berkaitan Buletin OHP, boleh dikemukakan secara terus kepada kami.

*Sehingga berjumpa kembali di isu akan datang.
Selamat Membaca!*



Berdiri dari kanan (belakang) : Dr Siti Sarah Soraya, Pn. Haziah, Dr Sivasathi, Dr. Siti Nur Fatimah, Pn. Zainaliza
Duduk dari kanan (hadapan) : Datin Dr. Nazita, Dr Salleh, Dr. Cheng Lai Choo, Dr Doryalisa

Perutusan



PENGARAH KANAN (KESIHATAN PERGIGIAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

"THE FUTURE DEPENDS ON
WHAT WE DO TODAY"
- MAHATMA GANDHI

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada sidang redaksi Buletin Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di atas penerbitan majalah untuk isu Januari- Jun pada tahun ini.

Bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri yang baru sahaja meninggalkan kita, dalam sedar tidak sedar tahun 2019 sudah tiba ke pertengahannya. Pelbagai acara dan program secara kolaboratif samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa telah dapat kita jalankan dengan jayanya. Antaranya ialah *The 26th MDA Scientific Conference & Trade Exhibition* pada awal Januari di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)* yang menyaksikan penyertaan lebih 1200 peserta dari dalam dan luar negara. Seminar *Oral Healthcare 2019* yang dijalankan awal Januari lepas juga merupakan satu jalinan kerjasama yang mantap dengan negara matahari terbit, Jepun bertepatan dengan polisi Pandang Ke Timur.

Bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia 2019 (WOHD) yang dijalankan pada 20 hb Mac lepas, tema yang dipilih iaitu '*Say Ahh: Act on Mouth Health*' juga telah menyaksikan sambutan yang amat menggalakkan dari warga pergigian dan orang awam melalui penyertaan dalam pertandingan video dan fotografi mengenai kesedaran penjagaan pergigian. Manakala Program Kembara Sihat 'Ziarah Senyum' 2019 tahun ini diteruskan lagi dengan siri edisi Jelajah Kembara yang telah berjaya merekodkan sebanyak 93 *pit stops* dan melibatkan seramai 1419 anggota di seluruh Negara. Dianggarkan juga seramai hampir 5170 OKU dan warga emas telah mendapat manfaat dari program ini.

Sejajar dengan visi Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok

menjelang tahun 2045. Pelbagai inisiatif diambil oleh pihak kerajaan untuk membendung masalah merokok ini, antaranya ialah bermula 1 Januari 2019, di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018, semua tempat makan telah diwartakan sebagai 'Tempat Dilarang Merokok'

Melalui Konvensyen Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) yang telah dijalankan pada 19-20 Jun lepas, KKM melalui Program Kesihatan Pergigian dengan kerjasama Bahagian Kawalan Penyakit, KKM dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berjaya melancarkan Program mQuit Sekolah yang merupakan kesinambungan kepada program mQuit sedia ada yang mengintegrasikan semua program pencegahan dan intervensi merokok di sekolah iaitu program *I am Free (IMFree)*, KOTAK dan intervensi oleh guru kaunselor sekolah.

Secara akhir kata, syabas diucapkan sekali lagi kepada semua warga Program Kesihatan Pergigian di atas penganjuran pelbagai acara dan program samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Semuanya dengan satu objektif iaitu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik buat masyarakat. Teruskan kecemerlangan dan kekalkan prestasi unggul.

Tahniah!

Dr. Doreyat bin Jemun

- 
- The background of the page features a photograph. In the foreground, a hand holds a white and red pack of cigarettes. In the background, another hand is held open, palm facing forward. The list of contents is overlaid on the left side of the page.
- 03 *The 26th MDA Scientific Conference and Trade Exhibition 2019*
- 04 *WORLD ORAL HEALTH DAY 2019*
- 06 *Oral Healthcare Seminar 2019*
- 07 *SYSTEMA GUMBATTE :
A Campaign Towards A Healthy Gum and Teeth for Life*
- 08 **Majlis Pelancaran Program Kembara Sihat 2019**
- 10 **Bengkel Pemantapan Data Program Kanser Mulut 2019**
- 12 **Konvensyen Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK)**
- 16 **Bingkisan Facebook Live Program Kesihatan Pergigian:
Inginkan Gigi Tersusun Cantik - Apakah Risikonya?**
- 18 **Momen Januari - Jun 2019**
- 20 **INFO SIHAT**
- 24 **Persidangan Kajiselidik Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2019**
- 25
 - *CPG Management Of Mandibular Condylar Fractures 2019*
 - **Mesyuarat Bersama Penyelaras Negeri & Trainers Modified MOH ICDAS (MMI) 2019**
- 26 *Highlights From Epidemiology And Oral Health Research Section*
- 28 **Senarai Pergerakan Staf**
- 31 **Senyum Sihat**
- 33 **Info Kesihatan Pergigian**

ISI KANDUNGAN

The 26th MDA Scientific Conference and Trade Exhibition 2019

On 19 January 2019, YBrs. Dr Nomah Taharim has graced the Trade Exhibition organized by the Malaysian Dental Association (MDA) at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). The trade exhibition was in conjunction with the 26th MDA Scientific Conference and Trade Exhibition. 'A lifetime Of Oral Health for All' has been chosen as the theme for this conference. It is estimated around 1,200 participants attended this annual conference.

The conference offers an array of lecture topics of various dental disciplines, taking into consideration the public and private sectors as well as current trends and patients needs. Highlights of the conference include the Corporate Social Responsibility (CSR) Forum on Quackery in Dentistry. In this CSR Forum, the keynote address was delivered by the Director General of Health, YBhg. Datuk Dr Noor Hisham bin Abdullah who represented YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Minister of Health Malaysia. YBrs. Dr Nomah Taharim and Dr P.



Kathiravan, President of Malaysian Orthodontic Practitioners Association both presented during the CSR Forum on Quackery in Dentistry in line with the theme: 'The Reality of Fake Braces in Our Society'. Additionally, a video showcase on fake dentistry was shown, poster drawing competition and fake dentistry posters near Trade Exhibition Hall were also open for viewing. Another interactive forum organised was the Survival Guides for Dental Professionals. Several interesting topics were discussed ranging from the Clinical Practice Guidelines in Dentistry, Advertising in Dentistry, Dental Act and Medicolegal Issues, Dental Practice in Singapore-Singapore Experience, to Private Health Care Practice - What you need to know.



WORLD ORAL HEALTH DAY 2019



The World Oral Health Day (WOHD) is a global oral health campaign celebrated on 20 March every year. It was declared by the FDI World Dental Federation in 2007 and was first officially celebrated in 2013. WOHD served as a platform dedicated to raise global awareness on the prevention and control of oral diseases.

This year's theme "Say Ahh: Act On Mouth Health" aims to motivate people to take charge of their oral health and take action to prevent oral diseases and protect their general health, through managing risk factors and seeking treatment in a timely manner when necessary.

The Oral Health Programme, Ministry of Health was privileged to be part of the organising committee to plan and execute in this year's 2019 campaign. It was a collaborative effort with the Malaysian Dental Association (MDA), Malaysian Armed Forces, Dental Dean's Council of Malaysia and the Malaysian Dental Students' Association (MDSA). The launch of the WOHD on the 20th March 2019 was extremely special as it was officiated by the Honourable Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Health Minister at Level 8, Block E7, Parcel E, Presint 1, Ministry of Health, W.P. Putrajaya. The ceremony was attended by various agencies of the dental fraternity to show their utmost support for the campaign.

During his speech the Health Minister emphasized that dental utilisation among Malaysians is still low and the reason being that many perceive that they do not have dental problems. Findings from the National Oral Health Survey of Adults showed only 27.4% of adults go for a dental check up every year, and 42% of adults visit the dentist every two years.

There were several activities done prior to the WOHD which includes video and photography competition for dental students, practitioners and also the public. The organising committee has received quite an overwhelming response with almost 200 participations.

The photography competition was an open category and the top 4 winners were:

- 1st place - Lt Dr Chew Wei Wern
- 2nd place - Dr Muhammad Hasif bin Mohamed Rouse
- Consolation - Dr Nur Hamizah bt Tahreb & Dr Ezza bt Md Shah

A picture speaks a thousand words! - the winners' photographs had indeed describe the theme to help promote oral health awareness and how we should act on mouth health!

FIRST PLACE

Lt Dr Chew Wei Wern — Oral Health is a Team Effort!

Everybody has a role to play in combatting oral health problems. This picture sums it up perfectly; in which not only must we remember to brush our teeth twice daily, but we must check what we eat too. All in all, go team!



Dr Muhammad Hasif bin Mohamed Rouse — Say Ahhh

A beautiful kampung scenery adorns this picture with a beautiful scene unfolding. It shows that taking care of oral health is boundaryless and could be done anywhere and anytime.

SECOND PLACE

Oral Healthcare Seminar 2019

The 2nd Oral Healthcare Seminar 2019 is held on 28 January 2019 in Kuala Lumpur, organised by the Malaysian Association of Dental Public Health Specialists (MADPHS), Malaysian Dental Therapists' Association (MDTA), and Ministry of Economy, Trade and Industry (METI) from Japan. The collaborative effort is in line with Malaysia's 'Look East Policy', introduced by the Prime Minister of Malaysia, since 1982, implemented by the Association for Overseas Technical Cooperation and Sustainable Partnerships (AOTS) Japan and supported by the Oral Health Programme, Ministry of Health Malaysia. The Seminar was officiated by YBrs. Dr Nomah Taharim, Principal Director of Oral Health, Ministry of Health Malaysia.

A total of 230 participants attended this seminar, comprised of Directors and Deputy Directors from Oral Health Programme, MOH, State Deputy Directors of Health (Dental), Dental Public Health Specialists, dental professionals and Dental Therapists from MOH, academia from Dental Faculties of Public and Private Institutions of Higher Education from Malaysia and Japan, agencies and industry players from Japan. Dr Zulkifli Zainal Abidin, The President of MADPHS; Pn Fatimah Rahman, President of the MDTA; Mr Hiroyuki Orikasa, Deputy Chief of Mission, Embassy of Japan in Malaysia; and Mr Jun Koide from METI Japan were guests of the event.



Highlights of the seminar include four interesting presentations as follows:

'Providing Better Oral health for the Elderly in Malaysia' by Dr Siti Zaleha Hamzah, Specialist in Special Needs Dentistry, Special Needs Dentistry Unit, Kajang Hospital; 'Oral health for Healthy Ageing - Evidence, Practice and Health Policy' by Dr Kakuhiro Fukai, Director of the Fukai Institute of Health Science; 'The Role of Dental Hygienists in Japan for Oral Health Promotion' by Dr Noriko Takei, President of the Japan Dental Hygienists' Association; and 'Oral Health Promotion in Japan' by Dr Yuki Eto, Assistant Director, Dental Health Division, Ministry of Health, Labour and Welfare, Japan.

Congratulations to MADPHS, MDTA, METI Japan, and AOTS Japan for organising this auspicious event!



SYSTEMA *GUMBATTE*

A Campaign Towards A Healthy Gum and Teeth for Life.



14 March 2019, YBr. Dr Norliza Mohamed, Acting Principal Director of Oral Health, Ministry of Health Malaysia has launched the *Systema Gumbatte* - Towards 1 Million Gum Health Checks, for Healthy Gum and Teeth for Life, in Petaling Jaya Selangor. The campaign was organized by Systema in collaboration with the Malaysian Dental Association (MDA) and Malaysian Dental Public Health Specialists (MADPHS), supported by Oral Health Programme, Ministry of Health Malaysia.

The campaign aims to help Malaysians to achieve better oral health outcomes with the ultimate goal of motivating people to retain 20 of their natural teeth when they are 60 years and above so that they can enjoy the longer life expectancy in line with the Ministry of Health's goals.

Gumbatte in Japanese, simply means 'you can do it!'. Two entertainment and social media powers: Aeril Zafrel, an actor as well as an actress and entrepreneur Wawa Zainal are motivated to be oral health awareness enablers and to promote this campaign. A very interesting video was also shown during the event. An educational website was designed for free gum health check. The website can be accessed through the following link:

<http://www.saveyourgumssaveyourteeth.com.my>

Congratulations to Systema, MDA, MADPHS for successfully organising this exciting campaign!

'Ziarah Senyum'

Program Kembara Sihat merupakan program hasil usahasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia. Secara amnya program ini bersifat turun padang bagi mendekati masyarakat, meningkatkan kesedaran dan pengamalan penjagaan kesihatan pergigian melalui institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Objektif program ini adalah bagi menyedarkan masyarakat bahawa kesihatan mulut adalah sebahagian daripada kesihatan tubuh badan, memberi kaedah amalan penjagaan kesihatan pergigian yang betul kepada orang kelainan upaya serta mengukuhkan jalinan kerjasama antara agensi.

Program Kembara Sihat 2019 'Ziarah Senyum' pada edisi kali ini telah dilancarkan pada hari Sabtu bersamaan 30 Mac 2019 di Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Kempas, Johor Bahru oleh YAB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, Menteri Besar Johor.



Atas : YAB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, Menteri Besar Johor (dua dari kanan) merasmikan Majlis Pelancaran Kembara Sihat 2019. Bawah : YAB Menteri Besar Johor melepaskan konvoi Kembara Sihat 2019

Program telah didahului dengan ucapan aluan yang telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Norliza binti Mohamed, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, bagi pihak Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian), Kementerian Kesihatan Malaysia. Kemuncak kepada program hari ini adalah ucapan perasmian dan pelepasan peserta konvoi Kembara Sihat oleh YAB Menteri Besar Johor. Konvoi akan seterusnya berhenti dan membuat lawatan di beberapa 'pit stops' di setiap negeri mulai 30 Mac hingga 6 April 2019. Program Kembara Sihat ini juga telah dimulakan di negeri Sarawak, bersekali dengan acara Pelancaran Kembara Sihat di Johor.

Salah satu simbolik kepada Program Kembara Sihat ini adalah penyerahan bendera konvoi. Pada tahun ini, acara penyerahan bendera konvoi dibuat mengikut zon iaitu melibatkan zon selatan, zon tengah, zon pantai timur, zon utara dan zon Malaysia Timur.





Pelepasan konvoi oleh YBhg. Dato' Dr. Norhizan Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah mewakili YB Menteri Kesihatan Malaysia bersama YBrs. Dr Norliza Mohamed, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, bagi pihak Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Majlis Perasmian Penutupan Kembara Sihat 2019 'Ziarah Senyum'

Kembara Sihat 2019 yang telah dilancarkan di Johor Bahru, pada 30 Mac 2019 yang lalu telah berakhir pada 7 April 2019 di Jitra, Kedah. Penutup kepada Kembara Sihat 2019 bermula dengan penyerahan simbolik bendera Kembara Sihat 2019 dari Negeri Kelantan kepada Negeri Kedah. Konvoi dari dua negeri ini seterusnya bergerak dan berkumpul di perkarangan TH Hotel, Kepala Batas bersama anggota-anggota yang terdiri daripada anggota-anggota negeri dari seluruh Malaysia yang terlebih dahulu berhimpun di sana. Konvoi ini kemudiannya dilepaskan dan bergerak ke Taman Sinar Harapan Jitra di mana Majlis Penutupan Kembara Sihat 2019 'Ziarah Senyum' berlangsung.

Majlis Perasmian Penutup Kembara Sihat 2019 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Norhizan Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah mewakili YB Menteri Kesihatan Malaysia pada hari Sabtu, 7 April 2019 bertempat di Taman Sinar Harapan, Jitra, Kedah. Ucapan Aluan telah disampaikan oleh YBrs. Dr Norliza Mohamed, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, bagi pihak Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Rumusan daripada program ini, seramai 1,419 orang anggota telah terlibat menyertai konvoi pada kali ini. Sebanyak 93 'pit stops' telah dilawati dan seramai 5,170 Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas telah diperiksa dan menerima manfaat sepanjang program ini berlangsung.



Bengkel Pemantapan Data Program Kanser Mulut 2019



Bengkel (*Training of Trainers (TOT) for Primary Prevention And Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancers (OPMDs)*) telah diadakan pada 16 April 2019. Kursus ini dijalankan dengan bertujuan untuk memberi maklumat tentang Program Kanser Mulut dan latihan terutamanya berkaitan dengan pengumpulan data kanser mulut menggunakan *MS Access Database*. *MS Access Database* ini telah menggantikan penggunaan *Epi Info* semenjak tahun 2018. Kursus ini telah dijayakan oleh 37 orang peserta yang kebanyakannya adalah terdiri daripada Penyelaras Negeri.

Penyakit kanser merupakan salah satu penyebab kematian yang tertinggi di Malaysia. Kajian telah menunjukkan bahawa pengesanan awal kanser melalui kaedah saringan mampu meningkatkan *survival* kanser melalui rawatan di peringkat awal. Antara faktor penyumbang utama untuk pengesanan lewat adalah kurang kesedaran tentang pentingnya pemeriksaan dan pengesanan awal di kalangan rakyat Malaysia.


Walaupun kejadian penyakit kanser mulut adalah rendah berbanding kanser lain, namun ianya memberikan impak besar pada kualiti

kehidupan individu tersebut. NOHP 2020 telah mensasarkan 30% dari pesakit kanser mulut perlu dikesan di tahap 1. Namun data *Malaysian National Cancer Registry Report 2007-2011* didapati 63.1% pesakit kanser mulut dikenalpasti di tahap 3 dan 4.

Justeru, bengkel yang dijalankan ini adalah antara inisiatif oleh pihak PKP KKM dalam memantapkan lagi Program Kanser Mulut di Malaysia. Semoga program ini dapat memberi impak yang lebih baik dalam pengesanan awal insiden lesi pre-kanser dan kanser mulut serta mengurangkan prevalens kejadian kanser mulut di Malaysia.



7 HADIAH PERCUMA DARIPADA VAPE



Iritasi

- mata
- tekak
- saluran pernafasan

Kerosakan organ dalaman

Gangguan pada usus & perut

Membunuh sel paru-paru, sel otak & sel lapisan kulit

Kegagalan pernafasan

Asma

Kanser

vape bukanlah selamat

KATAKAN TIDAK PADA VAPE



Terbitan:
BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
www.moh.gov.my | www.infosihat.gov.my
K09W18M/5.000/2015



Ehsan dari: Bahagian Pendidikan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia



Konvensyen yang julung-julung kali diadakan hasil kerjasama antara Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka selaku tuan rumah telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 19–20 Jun 2019 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka.

Konvensyen yang bertemakan “SMART-Senyuman Menawan tanpa Rokok & Tembakau” ini telah disempurnakan secara bersama oleh YB Low Chee Leong, EXCO Kesihatan & Anti Dadah Melaka mewakili YAB Ketua Menteri Melaka dan YBhg. Dato’ Mohd Shafiq Bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiusaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia mewakili YB Menteri

Kesihatan Malaysia serta YBrs. Dr. Latip Bin Muhammad, Timbalan Pengarah (Penyelidikan & Penilaian) Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia mewakili YB Menteri Pendidikan Malaysia.

Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang tempoh 2 hari konvensyen ini berlangsung yang mensasarkan murid-murid sekolah rendah dan menengah, anggota-anggota kesihatan, pendidikan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru di Negeri Melaka serta agensi-agensi bukan kerajaan dalam mempromosikan, berkongsi idea dan pengetahuan, serta menghargai usaha-usaha pelbagai pihak dalam menjayakan Program KOTAK di seluruh negara.





Forum : Kami Sihat Tanpa Tembakau
 Dari kiri : En. Shahrizan Bin Mahamood (Moderator),
 Dr. Sharol Lail Bin Sujak (Ahli Panel), Dr. Norliana
 Binti Ismail (Ahli Panel), Tuan Hj. Mohd Ghazali Bin
 Hj. Anuar (Ahli Panel), En. Muhammad Firdaus Bin
 Abdul Razak (Ahli Panel)

Rokok (KOTAK) bertujuan untuk membantu mencapai visi negara "Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok menjelang tahun 2045".

Pada 19 Jun 2019, konvensyen dimulakan dengan 2 sesi Plenary pada sebelah pagi manakala 2 simposium dengan 8 tajuk yang berbeza, aktiviti murid – murid sekolah rendah dan menengah, perbincangan meja bulat secara tertutup berkaitan Program KOTAK, pertandingan pada sebelah petang serta pemeriksaan pergigian percuma. Pada 20 Jun 2019 pula, acara dimulakan dengan Forum bertajuk Kami Sihat Tanpa Tembakau dan diikuti dengan majlis perasmian. Dianggarkan seramai 1000 orang telah hadir dan mendapat manfaat sepanjang konvensyen ini berlangsung.

Menariknya, konvensyen kali ini pihak penganjur telah menjemput Dr. Koong Heng Nung, Pengasas (*Tobacco Free Generation International*) dari Singapura pada Plenary 2 dengan tajuk (*Tobacco Free Generation Endgame To Schoolchildren*) dengan cara berinteraksi dengan para peserta dan telah mendapatkan respon yang sangat positif. Selain itu, perbincangan meja bulat pada konvensyen kali ini juga telah terhasil 10 resolusi yang dipersetujui sebulat suara oleh ahli - ahli perbincangan meja bulat ini dimana sesuai dengan program Kesihatan Oral Tanpa Asap



Plenary 2 : *Tobacco Free Generation Endgame To Schoolchildren* oleh Dr. Koong Heng Nung



Oleh: Dr. Muhammad Adib bin Jamil



Plenary 1 : Perkongsian Pengalaman : Bahaya Rokok Terhadap Kesihatan
 Dari kiri : En. Shamsul Bin Rizal, Prof. Dr. Abdul Rashid Bin Ismail
 Dr. Vijaya Rani a/p Kasivisvanathan (Moderator)



Sesi Penyampaian Hadiah Kepada Para Pemenang Pertandingan Inovasi mQuit Sekolah - Kelab Doktor Muda (Sekolah Rendah) dan Pertandingan Graffiti (Sekolah Menengah)

Perbincangan Meja Bulat : Usaha Bersepadu Menangani Masalah Perokok di Sekolah






Suasana Konvensyen Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) Kebangsaan 2019 pada 19 dan 20 Jun 2019 di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka



Pertandingan Grafitti (Sekolah Menengah)



Aktiviti Murid -Murid Sekolah (Pertandingan Debat Antara Negeri)



INGINKAN GIGI TERSUSUN CANTIK - APAKAH RISIKONYA?



1. Bolehkah Doktor terangkan serba sedikit mengenai rawatan Ortodontik (*Braces*) yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia?

- Ortodontik adalah salah satu cabang kepakaran pergigian yang merawat pesakit yang mempunyai masalah gigi yang tidak teratur serta mengawal pertumbuhan rahang atas dan rahang bawah. Rawatan ortodontik (*Braces*) selalunya akan dijalankan oleh Pakar Ortodontik di fasiliti kesihatan pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Lazimnya Unit Ortodontik menerima rujukan daripada Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer dan juga daripada cabang-cabang kepakaran yang lain.
- Kumpulan sasaran bagi rawatan ortodontik adalah pelajar yang masih bersekolah di bawah umur 18 tahun dan individu-individu yang memerlukan rawatan yang melibatkan pelbagai cabang kepakaran pergigian.

2. Apakah tujuan utama rawatan ortodontik (*Braces*)?

Tujuan rawatan ortodontik adalah untuk membetulkan kedudukan gigi supaya:

- Berada dalam fungsi yang baik - seperti pengunyahan dan pertuturan
- Kesihatan pergigian yang baik - gigi tersusun memudahkan pembersihan, mengelakkan trauma contohnya gigitan dalam (luka pada langit dan gusi bawah), jongang (kecenderungan untuk gigi patah terutama kanak-kanak)
- Estetik/kecantikan - meningkatkan keyakinan diri, senyuman yang lebih menarik

3. Mengapa *braces* perlu dipasang oleh pengamal pergigian yang bertauliah?

- Rawatan ortodontik merupakan rawatan pergigian yang kompleks dan memerlukan kemahiran dan pengetahuan kepakaran bidang ini. Rawatan ini mengambil masa yang panjang dan memerlukan rawatan susulan secara berkala dalam tempoh dua hingga ke tiga tahun.

4. Boleh doktor terangkan tentang perbezaan rawatan ortodontik di klinik pergigian kerajaan dan *fake braces* yang sering diperkatakan di media sosial?

- Pemasangan *fake braces*: Pemasangan dijalankan oleh Tukang Gigi Haram dan tidak bertauliah.





Pemasangan boleh dilakukan di mana – mana sahaja seperti di hotel, spa dan di bahu jalan. Peralatan yang digunakan tidak dibasmi kuman dengan betul dan mendedahkan pesakit kepada jangkitan kuman dan masalah lain

5. Apakah syarat-syarat bagi untuk pesakit layak mendapat rawatan ortodontik di perkhidmatan kesihatan pergigian yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia?


- Di KKM, *Index of Treatment Need* (IOTN) digunakan sebagai panduan untuk mengutamakan rawatan kepada pesakit yang memerlukannya sahaja. Terdapat 5 gred dalam index ini iaitu gred 5 (sangat perlu), gred 4 (perlu), gred 3 (sederhana), gred 2 (sedikit/kurang keperluan) dan gred 1 (tiada atau tidak perlu). IOTN ini dapat memastikan peruntukan yang tinggi dan terhadap ini disasarkan hanya kepada mereka yang perlu rawatan iaitu gred 5 dan 4 dan kes-kes yang sederhana serta sedikit keperluan rawatan dapat dielakkan. Di Kementerian Kesihatan Malaysia, peraturan ini diaplikasikan dengan adil dan saksama.
- Higin mulut sepatutnya pada tahap yang cemerlang dan pesakit bebas dari karies gigi atau semua karies gigi telah dirawat
- Dapat memastikan higin mulut kekal pada tahap cemerlang sepanjang tempoh rawatan.
- Mengikut nasihat pemakanan dan arahan penjagaan kesihatan mulut.
- Bermotivasi tinggi dan dapat hadir semasa tarikh temujanji rawatan ditetapkan

6. Berapakah lama tempoh pesakit harus menunggu untuk memulakan rawatan ortodontik?

- Sebahagian besar daripada pesakit akan dimasukkan dalam senarai menunggu rawatan.
- Terdapat kes-kes yang lebih kompleks dan rumit contohnya melibatkan pembedahan tulang rahang atau pembuangan gigi terimpak/ struktur yang tidak normal di dalam tulang akan dimulakan segera.
- Kebanyakan kes yang dimulakan segera melibatkan kerjasama dari cabang kepakaran pergigian lain seperti Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial, Pergigian Restoratif, Periodontologi dan juga Pembedahan Plastik.

7. Apakah di antara faktor-faktor yang menyebabkan senarai menunggu ini panjang?

- Permintaan yang tinggi telah menyebabkan wujudnya senarai menunggu yang panjang di semua klinik pakar pergigian kerajaan (3-5 tahun).
- Kesedaran (*awareness*) tentang kecantikan gigi yang meningkat
- Kos rawatannya agak murah kerana hampir 90% telah diberi subsidi oleh kerajaan.
- Rawatan dirawat oleh pakar ortodontik yang bertauliah





Persaraan Dr. Elise Monerasinghe
(4 Jan 2019)



Persaraan YBrs Dr. Nomah Taharim
(11 Feb 2019)



Persaraan Dr Naziah Ahmad Azli
(28 Feb 2019)




Persaraan YBrs Dr. Norliza
Mohamed (12 Jun 2019)

Momen Januari - Jun 2019 Program Kesihatan Pergigian



Sambutan Hari Raya PKPKKM bersama
YB Menteri Kesihatan (11 Jun 2019)







PROGRAM KESIHATAN ORAL TANPA ASAP ROKOK (KOTAK)

Tabiat merokok adalah punca atau penyebab kepada beberapa penyakit kronik seperti kanser paru-paru, panyakit paru-paru kronik dan juga masalah jantung koronari. Jika dilihat dari sudut kesihatan pergigian, merokok boleh menyebabkan individu itu mengalami keadaan nafas berbau, penyakit gusi, gigi berkarat luka

sukar sembuh dan yang paling digeruni ialah kanser mulut.

Berdasarkan unjuran yang dibuat oleh KKM, kerajaan bakal menanggung kos rawatan penyakit utama akibat merokok ini berjumlah RM7.4 bilion menjelang 2025. Kos rawatan ini adalah satu bebanan kepada negara. Ini akan berlaku sekiranya kawalan tembakau di Malaysia tidak diperkukuhkan dan prevalen merokok tidak berkurang.

Program Pencegahan dan Intervensi Merokok dalam Kalangan Murid Sekolah Menerusi Perkhidmatan Pergigian Sekolah atau lebih dikenali sebagai Program KOTAK- Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok telah mula diperkenalkan pada tahun 2016. Program KOTAK ini merupakan kerjasama antara Program Kesihatan Pergigian, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ianya wujud atas kesedaran bahawa anggota pergigian juga mempunyai peranan





dalam usaha menjayakan hasrat KKM ke arah membentuk generasi bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok menjelang 2045. Tambahan pula anggota kesihatan pergigian mempunyai kelebihan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian secara efektif dan berterusan kepada murid sekolah di seluruh Malaysia. Perkhidmatan Pergigian Sekolah yang telah dilaksanakan sejak awal 1970'an, sehingga kini liputan telah diperluaskan kepada

hampir 99% murid sekolah rendah dan sekolah menengah.


Objektif umum Program KOTAK:

- Untuk menurunkan prevalen merokok dalam kalangan murid sekolah menerusi pencegahan dan intervensi

Objektif khusus Program KOTAK:

- Untuk mengetahui status merokok dalam kalangan murid menerusi saringan
- Untuk memberikan pencegahan dan intervensi ringkas kepada murid agar mereka menghindar/ berhenti merokok
- Untuk menggalakkan murid yang telah mula merokok untuk berhenti merokok menerusi intervensi lanjutan

Program KOTAK ini juga mengguna pakai konsep *Common Risk Factor Approach*, penggunaan tembakau dalam rokok sebagai satu faktor risiko yang menyumbang kepada banyak penyakit





utama seperti kanser, penyakit jantung, masalah pernafasan dan dalam konteks kesihatan pergigian, merokok berkait rapat dengan kesihatan gusi atau periodontium dan Kanser Mulut. Jika tabiat merokok ini mampu ditangani dengan baik, individu akan mempunyai risiko yang lebih rendah untuk mengalami masalah-masalah kesihatan yang lain.

Golongan sasar Program KOTAK ini adalah murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Semasa pemeriksaan rutin pergigian, setiap murid ini akan disaring status merokok mereka. Ini dilaksanakan dalam 2 kaedah melalui pemeriksaan tanda-tanda merokok pada gigi murid dan juga secara pertanyaan terus kepada pelajar. Murid-murid ini akan dikategorikan kepada perokok semasa, bekas perokok, perokok pasif dan bukan perokok.

Bagi murid yang dikesan merokok, mereka akan menjalani Intervensi Ringkas dan juga Lanjutan yang akan dikendalikan oleh anggota pergigian. Ini terdiri daripada Juruterapi Pergigian, Pegawai Pergigian dan juga Pakar Pergigian Kesihatan Awam bagi membantu mereka untuk berhenti merokok. Proses yang sama akan diulang pada tahun hadapan. Selain itu, sesi pendidikan kesihatan pergigian yang berterusan juga diberikan kepada murid-murid ini berkenaan Bahaya Merokok.

Pencapaian Program KOTAK bagi tahun 2018 telah berjaya menyaring seramai 2.6 juta murid sekolah rendah dan daripada jumlah ini seramai 1,104 (0.04%) murid telah dikenal pasti sebagai perokok semasa. Manakala bagi sekolah menengah, seramai 1.9 juta murid telah disaring dan seramai 70,669 (3.72%) murid telah

dikenal pasti sebagai perokok semasa. Walaupun peratusan ini nampak kecil namun dari segi bilangannya amat membimbangkan.

Melalui program ini, terdapat murid-murid sekolah yang telah dikesan mula merokok pada usia muda seawal 8 tahun. Satu fakta yang mengejutkan dan juga membimbangkan. Data saringan juga menunjukkan pola bilangan perokok semasa ini meningkat dengan peningkatan usia murid. Rata-rata bilangan paling ramai dikesan ialah murid Darjah 6 di sekolah rendah manakala murid Tingkatan 5 di sekolah menengah.

Jika dibandingkan dari segi bilangan perokok semasa lelaki dan perempuan – secara keseluruhan data menunjukkan majoriti perokok semasa adalah dalam kalangan murid lelaki. Apa yang lebih membimbangkan walaupun perokok semasa dalam kalangan murid perempuan adalah sedikit namun terdapat peningkatan bilangan perokok semasa murid perempuan.

Pada tahun 2017 seramai 337 murid perempuan sekolah menengah telah dikesan merokok dan seramai 481 murid perempuan telah dikesan merokok pada 2018.

Bagi sesi intervensi atau kaunseling pula, data pada tahun 2018 menunjukkan sebanyak 86.3% perokok semasa murid sekolah rendah dan 84.0% murid sekolah menengah telah menjalani sesi ini. Daripada peratusan ini, seramai 572 atau 60.0% murid sekolah rendah dan 19,954 ribu atau 33.6% murid sekolah menengah telah mengambil tindakan untuk berhenti merokok. Ini merupakan kejayaan yang boleh dibanggakan.

Terdapat pelbagai inisiatif di bawah Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau 2015 – 2020 yang berbentuk program pencegahan dan rawatan untuk berhenti merokok di Malaysia. Ini termasuklah Kawasan Larangan Merokok, semua tempat makan sama ada berhawa dingin atau tidak, diwartakan sebagai “Tempat Dilarang Merokok” dan program Perkhidmatan Berhenti Merokok atau mQuit.



Di bawah payung mQuit ini terdapat pelbagai aktiviti yang mensasarkan kumpulan khusus yang berbeza contohnya mQuit masjid dan mQuit Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi aktiviti berhenti merokok di sekolah pula - ianya dikenali sebagai mQuit Sekolah. Program mQuit sekolah telah dilancarkan semasa Konvensyen KOTAK pada 19 – 20 Jun 2019. adalah kesinambungan kepada program mQuit sedia ada yang mengintegrasikan semua program pencegahan dan intervensi merokok di sekolah. Ini termasuklah program I am Free (IMFree) dan KOTAK serta intervensi oleh guru kaunselor sekolah. Program ini meliputi dua (2) aspek iaitu persekitaran yang bebas daripada asap rokok dan bantuan kepada perokok untuk berhenti merokok.

Dalam erti kata lain mQuit sekolah bukan sahaja mensasarkan murid malahan guru dan pekerja sekolah untuk tidak mula merokok atau membantu mereka untuk berhenti.

Program yang telah bertapak selama hampir 4 tahun ini adalah dalam proses untuk ditambahbaik dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan program ini. Di antara cadangan penambahbaikan adalah merangkumi:

1. Memantapkan kolaborasi bersama agensi terlibat
2. Memantapkan sistem rujukan pelajar kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah

3. Pembangunan Kapasiti:
 - i. Penghasilan bahan-bahan promosi
 - ii. Perolehan alat *Smokerlyzer* untuk setiap daerah bagi memantapkan pengendalian/ rawatan pesakit
 - iii. Konvensyen KOTAK
4. Pemantauan berterusan dan kajian keberkesanan program

Program KOTAK ini diharapkan dapat membantu kerajaan dalam usaha untuk mencapai sebuah negara bebas dari segala bentuk amalan merokok pada tahun 2045.



Oleh: Dr Azliza bt. Dato' Zabha

Persidangan Kajiselidik Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2019

Persidangan Kajiselidik Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2019 (National Oral Health Research Conference 2019) telah berlangsung pada 23 dan 24 April 2019 bertempat di Hotel Eastin, Petaling Jaya. Tema persidangan kali ini adalah *"Excellence Through Research"* dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia. Persidangan ini berjaya menghimpunkan seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada Pakar Pergigian dan Pegawai Pergigian.

Persidangan ini bertindak sebagai satu platform untuk pembentangan dan perbincangan hasil dan hala tuju pergigian saintifik bagi semua bidang kepakaran pergigian di Malaysia. Seramai 50 orang pembentang yang terdiri daripada 30 pembentang kategori poster dan 20 orang pembentang kategori oral telah bertanding. Prof Dr Noor Hayaty Abu Kasim, Dekan *Health and Well-Being Research Cluster* Universiti Malaya telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran beliau dengan menyampaikan ceramah bertajuk *"Impact-Oriented Interdisciplinary Research : The Way Forward"*. Pengarah Institut Kesihatan Umum (IKU), Dr Tahir Aris turut dijemput dalam menyampaikan ceramah yang bertajuk *"Value-based decision making: Are we ready?"*.



CPG MANAGEMENT OF MANDIBULAR CONDYLAR FRACTURES 2019

Clinical Practice Guidelines (CPG) merupakan dokumen syor-syor klinikal yang dibangunkan secara sistematik dan berasaskan carian bukti-bukti saintifik yang terkini. *CPG Management of Mandibular Condylar Fractures* ini merupakan edisi tambahbaik bagi *CPG Management of Unilateral Condylar Fracture* terbitan tahun 2005.

CPG ini telah dibangunkan secara berperingkat melalui beberapa siri perbincangan teliti dan komprehensif oleh 11 orang Ahli Jawatankuasa Kajian Semula yang terdiri daripada 8 orang Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial, 1 orang Pakar Pergigian Pediatrik, 1 orang Pakar Pergigian Kesihatan Awam dan 1 orang Pegawai Pergigian. Edisi ini juga merupakan CPG terbitan Program Kesihatan Pergigian KKM yang pertama menggunakan standard antarabangsa *Scottish Intercollegiate Guidelines Network (SIGN)* dalam proses pembangunannya.

Draf kajian semula ini telah dimuktamadkan dengan jayanya serta mendapat kelulusan penerbitan oleh Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan dan Panduan Amalan Klinikal Bil. 1/19 pada 18 Jun 2019 yang lalu. Program Kesihatan Pergigian KKM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Kajian Semula *CPG Management of Mandibular Condylar Fractures* di atas komitmen yang tinggi dalam menjayakan penerbitan CPG ini.



Duduk dari kiri: Dr Sivakama Sunthari, Dr Yuen Kar Mun (Pengerusi) dan Prof. Madya Dr Roszalina bt. Ramli

Berdiri dari kiri: Dr Rosliza bt. Parumo, Dr Salleh b. Zakaria, Dr Rama Krsna Rajandram, Dr Mohammad Adzwin Yahiya, Dr Logesvari Thangavalu, Dr Aezy Noorazah bt. Omar dan Dr Noor Hasmin bt. Mokhtar

Tiada dalam gambar: Dr Yogeswari Sivapragasam

MESYUARAT BERSAMA PENYELARAS NEGERI DAN TRAINERS MODIFIED MOH ICDAS (MMI) 2019



Mesyuarat Bersama Penyelaras Negeri dan *Trainers Modified MOH ICDAS (MMI)* 2019 telah diadakan pada 13 Februari 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, YBrs. Dr Norliza bt Mohamed dan disertai oleh 48 orang Pakar dan Pegawai Pergigian selaku Penyelaras dan *Trainers* MMI di peringkat negeri. Intipati perbincangan menjurus kepada halatuju implementasi MMI di seluruh negara dan isu-isu berkaitan. Implementasi MMI ini dilihat sejajar dengan misi Program Kesihatan Pergigian dalam usaha mengurangkan kadar kejadian karies dengan meningkatkan deteksi karies awal serta rawatan pencegahan di kalangan murid-murid sekolah.

HIGHLIGHTS FROM EPIDEMIOLOGY AND ORAL HEALTH RESEARCH SECTION



To begin with, our National Technical Advisory Committee Meeting (bil.1/2019) was held on 10th January 2019 to review the portable dental chair for examiners and the questionnaire that will be used.

The National Health and Morbidity Survey 2020: National Oral Health Survey of Adults 2020 (NHMS 2020: NOHSA 2020) will be held next year. This forthcoming National Oral Health Survey of Adults will be conducted under the purview of the National Health and Morbidity Survey (NHMS) by Institute for Public Health (IKU) and some preparations have been started.

In ensuring that data obtained is valid a few calibration programmes have been conducted. Calibration between Gold Standard Examiners and Benchmark Examiners was conducted for oral lesion, dental caries status and treatment need and periodontal conditions in Klinik Pergigian Air Jernih, Kuala Terengganu and Oral Pathology and Oral Medicine Clinic, Hospital Sultanah Zahirah, Terengganu from 11th-13th March 2019. The Gold Standard Examiners are Dr Ajura Abdul Aziz (oral lesion), Dr Rohani Mahmood (dental caries status and treatment need) and Dr Norhani Abdul Rani (periodontal conditions). Benchmark Examiners consisted of Dr Nor Nazaliza Basri (oral lesion), Dr Misah Md Ramli and Dr Suzana Sharif (dental caries status and treatment need), Dr Jessina Sharis Othman and Dr Adibah Mohd Rahim (periodontal conditions).



Before commencement of the trial-run in Selangor, calibration exercises between benchmark examiners and 5 state examiners have been conducted between April to June 2019 for every criteria.



Senarai Nama Penerima Pingat

BIL	NAMA	JAWATAN	DARI
1.	Dato' Dr Ahmad Termizi b. Zamzuri	Pengarah Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Institut latihan KKM (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang	Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) Pulau Pinang
2	Dato' Dr Farid Patrick b. Abdullah	Pakar Perunding Kanan (Ortodontik)	Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) Pulau Pinang

Kenaikan Pangkat

	NAMA	JAWATAN	GRED	TARIKH
1.	Dr Chia Jit Chie	Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian	Utama C	3 Jun 2019
2.	Dr. Che Noor Aini bt. Che Omar	Timbalan Pengarah Kanan Cawangan Amalan Kesihatan Pergigian Profesional & Auksiliari	Utama C (KUP)	25 Jan 2019
3.	Dr Lawrance Mah Hon Kheong	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sabah	Utama C (KUP)	25 Jan 2019
4.	Dr Rohana bt. Abu Kassim	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pahang	Utama C (KUP)	25 Jan 2019
5.	Dr Sharol Lail b. Sujak	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Sembilan	Utama C (KUP)	25 Jan 2019
6.	Dato' Dr Ahmad Termizi b. Zamzuri	Pengarah Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Institut latihan KKM (Pergigian) Georgetown, Pulau Pinang	Utama C (KUP)	25 Jan 2019
7.	Dr Rashidah bt. Hj Burharnuddin	Pakar Perunding Kanan (Ortodontik)	Khas A	2 Mei 2019
8.	Dr Kok Tuck Choon	Pakar Perunding Kanan (Bedah Mulut & Maksilofasial)	Khas B	2 Mei 2019
9.	Dr Sa'adah bt. Atan	Pakar Perunding Kanan Pergigian (Pediatrik)	Khas B	2 Mei 2019
10.	Dr Rohana bt. Sujak	Pakar Perunding (Bedah Mulut & Maksilofasial)	Khas C	2 Mei 2019
11.	Dato' Dr Farid Patrick b. Abdullah	Pakar Perunding (Ortodontik)	Khas C	2 Mei 2019

Pertukaran Keluar

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPAT	TARIKH
1.	Cik Norjanah bt. Mohd Nawi	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	Cuti Belajar mulai 3/9/2018 - 2/5/2020	1 Januari 2019
2.	Pn. Sarina bt. Othman	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U24	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor	16 April 2019
3.	En. Zulhari b. Abd Muhid	Pemandu Gred H14	Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM	12 Jun 2019

Pertukaran Masuk

1.	Dr Siti Nur Fatimah bt. Abdul Halim	Pegawai Pergigian Gred UG48	Jabatan Pergigian Pediatrik, Hospital Serdang, Selangor	4 Mac 2019
2.	Dr Sivasathi A/P Anandarajah	Pegawai Pergigian Gred UG48	Klinik Pergigian Taman Medan, Selangor	4 Mac 2019
3.	En. Mohd Azizol b. Abdul Aziz	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	Bahagian Pemakanan, KKM	25 Mac 2019
4.	Dr Akmarliza bt. Abdullah	Pegawai Pergigian Gred UG52	Klinik Pergigian Presint 18, WPKL & Putrajaya	1 April 2019
5.	Pn. Rosmawati bt. Abd Hamid	Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)	Institut Perubatan Kesihatan, KKM	1 April 2019
6.	Dr Rosmaria bt. Deraman	Pegawai Pergigian Gred UG54	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Hulu Langat, Selangor	15 April 2019
7.	Dr Doryalisa bt. Zakaria	Pegawai Pergigian Gred UG52	Klinik Pergigian Batu, WPKL	15 April 2019
8.	Dr Siti Sarah Soraya bt. Mohamad	Pegawai Pergigian Gred UG48	Klinik Pergigian Bagan Datoh, Perak	15 April 2019
9.	Dr Chia Jit Chie	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred Utama C	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) WPKL	26 April 2019
10.	Pn Siti Nur Zaimah bt. Zainudin	Penolong Pegawai Undang- Undang Gred L29	Lantikan baru	2 Mei 2019
11.	Dr Siti Masnira bt. Jamian	Pegawai Pergigian Gred UG48	Klinik Pergigian Kuala Kemaman, Terengganu	10 Jun 2019
12.	Puan Nurhuda Arnie bt. Azizan	Setiausaha Pejabat (N29)	Jabatan Perkhidmatan Awam	24 Jun 2019

Bersara Wajib

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1.	Dr Nomah bt Taharim	Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Gred Utama A	12 Februari 2019
2.	Dato' Dr Shah Kamal Khan b. Jamal Din	Pakar Perunding Kanan Bedah Mulut dan Maksilofasial Gred Khas A	28 April 2019
3.	Dr Norliza bt Mohamed	Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian Gred Utama B	12 Jun 2019
4.	Dr Tay Keng Kiong	Pakar Perunding Kanan Bedah Mulut dan Maksilofasial Gred Khas B	9 Mei 2019
5.	Dr Naziah bt Ahmad Azli (M)	Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian Gred Utama C	1 Mac 2019
6.	Dr Maria Jirom a/k Gere	Pakar Perunding Ortodontik Gred Khas C	23 April 2019
7.	Dr Elise Monerasinghe	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	7 Januari 2019
8.	Dr Latifah bt. Othman	Pakar Pergigian Kesihatan Awam Gred UG56	1 Mac 2019

Lantikan Sebagai Ketua Kepakaran Baharu

1.	Dr Sivakama Sunthari a/p Kanagaratnam	Ketua Kepakaran Pergigian Bedah Mulut & Maksilofasial	29 April 2019
2.	Dr Sharol Lail b. Sujak	Ketua Kepakaran Kesihatan Awam Pergigian	2 Mei 2019
3.	Dr Roshima bt. Mohd Sharif	Ketua Kepakaran Pergigian Restoratif	19 Jun 2019

SENYUM SIHAT



Isnin, 11 Mac 2019.

Pintu bilik rawatan diketuk.

“Masuk”, ujar Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) yang bertugas membantu kerja-kerja aku hari ini. Kelihatan seorang wanita 30an masuk berjalan masuk ke arah aku.

“Silakan duduk Puan”, aku berkata. “Ada apa yang boleh saya bantu ya, Puan?”, sambungku lagi.

“Ni haa Dr. Gigi saya ni sakit Sabtu lepas. Saya dah tak tahan sangat dah sakit dia. Sakit dia sampai sakit kepala tau Dr. Lepastu saya paksa suami saya pergi “hardware” beli “playar”. Mula-mula dia taknak belikan. Saya marah dia. Saya paksa jugak dia beli. Lepastu saya apa lagi, saya kepit gigi saya ni, cabut sendiri. Tapi masalahnya sekarang Dr, gigi tu tercabut separuh je. Ada lagi tertinggal ni.” Laju betul pesakit ni bercerita pasal “chief complainnya”. Aku kira, kalaulah wujud AES untuk percakapan, pasti pesakit ni dah kena “speed trap”. He he he.

“Hah?!! Puan cabut gigi sendiri? Gigi tak goyang kan? Tak sakit ke Puan?”, bertubi-tubi soalan aku berikan akibat terlalu terkejut. Sepanjang 7 tahun aku bekerja, ini kali pertama aku jumpa pesakit macam ni.

“Sakit juga Dr. Tapi tu lah, sakit gigi lagi sakit kalau nak compare dengan sakit cabut gigi tu. Saya memang dah tak tahan betul hehehe”, pesakit berkata sambil ketawa kecil tanda serba salah.

“Ya Allah Puan. Jangan macam ni Puan. Jangan seksa diri sendiri. Kalau ada apa-apa sakit, Puan datang ke klinik pergigian. Kalau sakit masa hujung minggu pun, boleh datang. Kita ada Dr “oncall”. Dr boleh tolong kurangkan sakit puan. Tapi takpe, sekarang ni, saya periksa dulu gigi puan. Nanti saya bagitahu apa yang saya boleh tolong”, aku capai “mouth mirror” dan “probe” yang telah PPP sediakan di atas “tray”. Aku teruskan dengan “examination dan charting”.

“Ok Puan. Yang puan cabut haritu gigi taring puan ni kan? Memang betul ada akar yang masih tinggal. Gigi taring ni akarnya panjang. Sebab tu agak susah nak cabut gigi ni. Sekarang ni, saya akan bagi Puan suntikan, lepas dah kebas nanti saya akan buat cabutan, ya? Puan setuju?” Berkerut-kerut muka pesakit ni nak memahami masalah gigi dia. Nasib baik pesakit setuju untuk cabutan. Aku dah terfikir, kalau lah pesakit ni jenis takut disuntik dan taknak disuntik masa buat cabutan macam mana? Apa option lain yang aku ada? Takkan aku nak cabut gigi dia tanpa disuntik? Macam-macam jenis ‘kalau’ bermain dalam fikiran aku.

“Saya suntik ubat kebas dulu ya?” Aku meminta kebenaran. Lepas pesakit memberitahu yang dia dah mulai rasa kebas, aku teruskan dengan cabutan. Aku minta pesakit gigit gauze selepas tu. Aku terangkan juga cara penjagaan mulut selepas cabutan kepada pesakit. Pesakit mengangguk tanda faham. Sebelum pesakit keluar untuk membuat bayaran, sempat juga aku berpesan.

“Puan, ingat ya. Kalau ada sakit gigi lagi lepas ni, Puan datang klinik tau. Jangan cabut sendiri. Nanti kami takde kerja”.

Berdekah-dekah pesakit tu ketawa selepas mendengar nasihat aku. Kelakar. Sampai aku pencen nanti pun aku takkan lupa perihal pesakit ini. *One in a million.*

- Catatan sebenar doktor gigi yang bertugas di pedalaman -



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

23 TEMPAT LARANGAN MEROKOK



> Dalam mana-mana kawasan taman awam kecuali **tempat letak kereta awam terbuka**



> Dalam mana-mana kawasan awam yang **digunakan untuk tujuan keagamaan**



> Di mana-mana kawasan **taman asuhan kanak-kanak**



> Dalam mana-mana kawasan premis kerajaan



> Dalam mana-mana menara cerapan, tapak perkhemahan, titian kanopi dan lima meter dari **lalu lintas masuk atau keluar** titian kanopi dalam taman negara atau taman negeri



> Di dalam mana-mana lapangan terbang



> Di dalam mana-mana pusat hiburan atau teater, kecuali mana-mana pub, disko, kelab malam atau kasino



> Di dalam mana-mana **kawasan hospital atau klinik**



> Di dalam mana-mana lif atau tandas awam



> Di dalam mana-mana **kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam**



> Di dalam mana-mana tempat kerja yang **berhawa dingin** dengan suatu sistem hawa dingin berpusat



> Di dalam mana-mana **bas sekolah**



> Di mana-mana kawasan kafe internet



> Di mana-mana **kawasan perpustakaan**



> Di mana-mana kawasan tempat **latihan khidmat negara**



> Di mana-mana kawasan **stesen minyak**



> Di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa **aktiviti perhimpunan** di dalam sesuatu bangunan selain bangunan kediaman



> Di mana-mana kawasan stadium, **kompleks sukan, pusat kecergasan atau gymnasium**



> Di mana-mana kawasan **institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi**



> Di mana-mana tingkat yang mempunyai **kaunter perkhidmatan** di dalam bangunan



> Di mana-mana kawasan di **kompleks membeli-belah**



> Di mana-mana bangunan atau tempat **permainan kanak-kanak atau taman**

TERBARU BERKUATKUASA 1 JAN 2019

SEMUA PREMIS MAKANAN TERMASUK TEMPAT MAKAN TERBUKA



SEMUA ADUAN BOLEH DIHANTAR HOTLINE:

010 8608949

PANGGILAN WAKTU PEJABAT SAHAJA

03 88924530

Sebarang pertanyaan dan aduan: Anda perlu menghantar (1) Nama kedai, (2) lokasi/alamat kedai dan (3) jenis kesalahan.

PERKHIDMATAN KLUSTER KEPAKARAN KESIHATAN PERGIGIAN



2 KEPAKARAN *HOSPITAL BASED*

- BEDAH MULUT & MAKSILOFASIAL
- PERGIGIAN PEDIATRIK




3 KEPAKARAN *NON HOSPITAL BASED*

- ORTODONTIK
- PERIODONTIK
- PERGIGIAN RESTORATIF



PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KLUSTER KEPAKARAN KESIHATAN PERGIGIAN
SECARA **BERFASA** DARI **TAHUN 2018** SEHINGGA **2021**



CADANGAN PELAKSANAAN KEPAKARAN *HOSPITAL BASED*



- JENIS 1 - MENGGUNAKAN RUANG PERGIGIAN DI HOSPITAL TANPA PAKAR
- JENIS 2 - MENGGUNAKAN KLINIK PERGIGIAN DI DALAM KAWASAN HOSPITAL TANPA PAKAR.
- JENIS 3 - MENGGUNAKAN KLINIK PERGIGIAN BERHAMPIRAN DENGAN HOSPITAL TANPA PAKAR.

CADANGAN PELAKSANAAN KEPAKARAN *NON HOSPITAL BASED*



- JENIS 1 - KLUSTER DI DALAM DAERAH YANG SAMA
- JENIS 2 - KLUSTER DI ANTARA DAERAH DALAM NEGERI
- JENIS 3 - LAWATAN (VISITING) SECARA BERKALA.

3 KEBAIKAN PERKHIDMATAN KLUSTER KEPAKARAN KESIHATAN PERGIGIAN



MENINGKATKAN AKSES
PENDUDUK UNTUK
MENDAPATKAN
PERKHIDMATAN
RAWATAN PERGIGIAN
KEPAKARAN



MENGURANGKAN
KESEKAPAN
PESAKIT DI
KLINIK DAN WAD



PENDEDAHAN AWAL
KEPADA PEGAWAI
PERGIGIAN SEBAGAI
PERSEDIAAN UNTUK
MELANJUTKAN
PELAJARAN PASCA
IJAZAH.





**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

www.instagram.com/pergigiankkm/
Website: <http://ohd.moh.gov.my/>
Facebook: www.facebook.com/pergigiankkm



ISBN 978-983-9187-68-7



9 789839 187687

